



Di manakah harus saya bermula?

Penjagaan paliatif bermula dengan perbualan. Biarlah orang-orang tersayang tahu fikiran anda mengenai hal-hal kehidupan yang penting hari ini:

- Hubungan silaturrahim
- Kewangan
- Kepercayaan peribadi
- Pilihan penjagaan
- Akhir hayat dan kematian

Berbincanglah dengan doktor anda tentang penjagaan paliatif walaupun di peringkat awal diagnosis sesuatu penyakit yang serius. Penjagaan paliatif boleh diberi bersama rawatan aktif yang sedang dijalankan untuk mengawal simptom penyakit. Di peringkat lanjut penyakit, mintalah nasihat doktor dan, sekiranya perlu, dapatkan rujukan kepada perkhidmatan penjagaan paliatif.

Penjagaan paliatif bukanlah hanya untuk akhir hayat seseorang pesakit. Ia paling berkesan apabila terdapat masa yang mencukupi untuk berbincang dan memahami nilai, kepercayaan dan matlamat penjagaan pesakit agar kita boleh berusaha untuk mencapai kesemua ini dan memenuhi kehendak pesakit.

Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

MAJLIS HOSPIS SINGAPURA SINGAPORE HOSPICE COUNCIL

1 Lorong 2 Toa Payoh Level 7

Yellow Pages Building Singapore 319637

Tel +65 6538 2231

E-mel secretariat@singaporehospice.org.sg

Lelaman www.singaporehospice.org.sg

**LIVE
WELL**

Dibawakan kepada anda oleh:



Hidup dalam Kesejahteraan, Pergi dalam Ketenangan

Cetakan pertama: Mei 2018. Sila rujuk lelaman kami untuk maklumat terkini.



PENJAGAAN PALIATIF: APA YANG ANDA PERLU TAHU





Mengapakah Penjagaan Paliatif itu diperlukan?

Apabila orang tersayang menghadapi penyakit yang mengancam nyawa atau boleh membawa maut, penjagaan dan sokongan jangka panjang diperlukan untuk menangani keadaan rumit yang timbul apabila penyakit itu beransur ke tahap yang seterusnya.

Penjagaan paliatif bertujuan melegakan kesengsaraan di samping meningkatkan kualiti kehidupan pesakit dan ahli-ahli keluarga dengan memberikan penjagaan menyeluruh dari segi jasmani, emosi, psikologi, sosial dan rohani. Penjagaan paliatif akan memberikan sokongan kepada pesakit di sepanjang proses rawatan mereka.

Di Singapura, istilah "penjagaan paliatif" dan "penjagaan hospis" digunakan bersilih ganti.



Bagaimanakah Penjagaan Paliatif boleh membantu anda?

Penjagaan Paliatif membawa keselesaan dan pemulihan kepada pesakit melalui:

- Pengawalan simptom & kesakitan
- Kaunseling kewangan
- Sokongan emosi
- Sokongan dalam menghadapi kesedihan dan kehilangan orang tersayang
- Kaunseling
- Latihan pengasuh dan penjaga pesakit
- Memudahkan perbualan mengenai pencapaian matlamat penjagaan pesakit
- Bimbingan kepada keluarga untuk membuat perancangan dan keputusan yang rumit

Pasukan pelbagai disiplin yang terdiri daripada doktor, jururawat, pekerja sosial perubatan, pakar terapi, kaunselor dan sukarelawan terlatih akan bersama-sama memberikan perkhidmatan ini.



Siapakah yang boleh mendapat manfaat daripada Penjagaan Paliatif

Semua pesakit tidak kira umur, dari bayi sehingga warga emas, boleh mendapat manfaat daripada penjagaan paliatif, sekiranya mereka mempunyai penyakit yang mengancam nyawa seperti:

- Barah tahap lanjut
- Penyakit kronik tahap akhir termasuk penyakit jantung, paru-paru, saraf dan ginjal.



Di manakah Penjagaan Paliatif diberikan?

Penjagaan Paliatif boleh diberikan di rumah pesakit, rumah penjagaan orang-orang tua, hospis, klinik pakar, hospital besar dan hospital komuniti, demi memenuhi keperluan setiap pesakit. Perkhidmatan paliatif termasuk penjagaan di rumah, pusat penjagaan siang hari, penjagaan di hospital dan perkhidmatan perunding pakar penjagaan paliatif.



Bagaimanakah saya boleh menerima Penjagaan Paliatif?

Doktor anda akan merujuk anda kepada perkhidmatan penjagaan paliatif yang terdekat. Mintalah nasihat doktor mengenai jenis perkhidmatan penjagaan paliatif yang paling sesuai untuk diri anda atau orang-orang tersayang.



Bagaimanakah perkhidmatan Penjagaan Paliatif kekal dimampui semua?

Pelbagai subsidi dan skim kewangan disediakan untuk memastikan kos perkhidmatan ini mampu dibayar oleh semua pesakit.

Subsidi pemerintah disediakan berdasarkan kemampuan pesakit. Jumlah subsidi bergantung kepada pendapatan bulanan seisi keluarga yang tinggal di alamat rumah pesakit. Selain itu, Medisave juga boleh digunakan untuk membayar yuran perkhidmatan penjagaan paliatif.

Sila dapatkan nasihat daripada pihak pembekal perkhidmatan kesihatan anda. Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan mengenai isu-isu kewangan, anda boleh minta untuk berjumpa dengan pekerja sosial perubatan.

